

TRANSKRIP "AMANAT NAIB CANSOLOR UMK SEMPENA MINGGU MESRA MAHASISWA SESI 2024/2025 (BAHAGIAN AWAL)"

(Muzik latar belakang dan visual montaj UMK. Terdapat sedikit bunyi batuk sebelum Naib Canselor mulakan ucapan.)

Naib Canselor (Profesor Teknologis Dr. Arham bin Abdull):

Assalamualaikum bismillahirrmanirrohim Yang Berbagia Prof. Dr. Nik Maheran Nik Muhammad, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Yang Berbagia Prof. Dr. Nik Ahmad Tarmizi Nik Hassan, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Yang Berbagia Prof. Madya Dr. Mohammad Fadhil Daud, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Yang Berbahagia Tuan-Tuan Dekan, Pengarah-Pengarah, Ketua-Ketua Jabatan, semua warga UMK yang saya kasihi, termasuk pelajar-pelajar, staf akademik, dan staf pentadbiran.

Terima kasih saya ucapkan kepada semua kerana hadir pada Majlis Amanat Naib Canselor pada kali ini. Majlis ini merupakan platform yang saya nak kongsi hala tuju dan visi misi kita sebagai sebuah universiti, dan saya nak ajak semua warga UMK untuk bergerak seiringan, sehati sejiwa dalam mencapai matlamat yang telah kita tetapkan.

Tahun 2024 ini kita perlu terus memperkukuh kedudukan kita sebagai sebuah universiti yang berteraskan keusahawanan. UMK bukan universiti baru lagi, kita sudah berada di landasan yang betul, dan telah mencapai pelbagai kejayaan. Antaranya, kita telah berjaya meningkatkan kualiti penyelidikan dan penerbitan, kita telah terima banyak geran penyelidikan yang kompetitif dan ini membuktikan kredibiliti para penyelidik kita. Saya pun nak mengucapkan tahniah kepada semua pensyarah dan penyelidik atas komitmen yang luar biasa ini.

Dari segi kebolehan pasaran graduan alhamdulillah peratusan kebolehan pasaran graduan kita sentiasa berada di tahap yang membanggakan. Ini menunjukkan kurikulum kita relevan dengan keperluan industri dan graduan kita mempunyai kiraan yang diperlukan untuk mereka berjaya di luar sana.

Namun kita tidak boleh berasa selesa. Kita perlu terus berinovasi dan mencari ruang untuk penambahbaikan. Matlamat utama kita adalah untuk memastikan setiap warga UMK dari staf pentadbiran hingga pelajar mempunyai mindset keusahawanan dan mampu berfikir di luar kotak.

Satu perkara yang saya ingin tekankan ialah keusahawanan. Ia bukan sekadar tentang perniagaan, tetapi ia satu mindset. Ia adalah cara kita berfikir, cara kita menyelesaikan masalah, dan cara kita melihat peluang dalam setiap cabaran. Saya mahu setiap pelajar dan staf UMK menjadi usahawan dalam bidang masing-masing. Contohnya seorang pensyarah yang inovatif dalam pengajaran adalah seorang usahawan. Seorang staf pentadbiran yang mencipta sistem kerja yang lebih efisien juga seorang usahawan. Kita harus melahirkan graduan yang bukan hanya mencari kerja, tetapi juga mampu mencipta peluang pekerjaan.

Selain itu pembangunan modal insan juga sangat penting. Saya percaya tanpa pembangunan sahsiah dan etika yang kukuh segala kejayaan akademik ataupun keusahawanan tidak akan kekal lama. Kita perlu terus membina persekitaran yang positif di mana setiap individu dihormati, didengari, dan diberi ruang untuk berkembang.

Kita juga tidak lari daripada cabaran kewangan cabaran dalam persaingan yang lebih global dan juga cabaran dalam memenuhi ekspektasi masyarakat. Namun saya yakin dengan semangat kebersamaan dan perpaduan yang kita ada kita mampu mengatasi segala halangan. Kita perlu sentiasa berfikiran positif dan mencari jalan penyelesaian, bukannya hanya melihat masalah.

UMK adalah sebuah keluarga yang besar. Kejayaan kita bukan kejayaan individu, tetapi kejayaan kolektif. Setiap staf, setiap pelajar, dan setiap pihak berkepentingan semuanya mainkan peranan yang sangat penting. Saya mengharapkan kita semua dapat terus bekerjasama, saling menyokong, dan sentiasa berusaha untuk menjadi yang terbaik.

Pada masa hadapan saya mengharapkan UMK akan menjadi sebuah institusi yang bukan saja melahirkan graduan yang cemerlang dari segi akademik tetapi juga

mempunyai sahsiah yang terpuji dan semangat keusahawanan yang tinggi. Saya berharap kita dapat menjadi contoh kepada universiti-universiti lain di Malaysia.

Akhir kata saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada seluruh warga UMK yang telah memberikan komitmen dan kerjasama yang tidak berbelah bagi sepanjang tahun yang lepas. Semua pencapaian yang kita raih adalah hasil daripada usaha keras kita bersama. Marilah kita jadikan tahun 2024 sebagai tahun lonjakan untuk kita bergerak lebih pantas, berfikir lebih kreatif, dan bekerja lebih bijak.

Saya percaya dengan semangat kekeluargaan, perpaduan, dan dedikasi UMK akan terus berkbang dan menjadi universiti yang terbilang di persada antarabangsa.

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warmatulli wabarakatuh. Terima kasih.